

'Raja Gigi' cipta rekod dunia tarik tren 260.8 tan

UM 19 OCT 2003

KUALA LUMPUR 18 Okt. — Seorang rakyat Malaysia, V. Rathakrishnan atau dikenali 'Raja Gigi' hari ini mencipta rekod dunia selepas berjaya menarik enam gerabak tren Komuter Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) seberat 260.8 tan sejauh 4.2 meter.

Paling manis kejayaan itu disaksikan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di stesen kereta api di sini.

Kejayaan anak kelahiran Sentul, Kuala Lumpur itu sekali gus memecahkan rekod dunia yang dicatatkan oleh seorang rakyat Belgium, Walter Arfeuille kira-kira 40 tahun lalu yang berjaya menarik beban 200.8 tan.

Rathakrishnan, 37, berkata, dia berasa sangat terharu dengan kejayaannya dan menganggap ia satu hadiah kepada Perdana Menteri yang akan bersara.

"Saya sangat gembira dengan kejayaan ini, apatah lagi disaksikan oleh Datuk Seri (Dr. Mahathir Mohamad) yang menjadi sumber inspirasi dan Sultan Brunei.

"Rakyat Malaysia menja-

di pendorong saya dengan kata-kata keramat Malaysia Boleh," katanya.

Turut hadir menyaksikan detik bersejarah itu ialah Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr. Awang Adek Hussin; Pengarah Urusan KTMB, Mohd. Salleh Abdullah dan Pengarah Urusan *Malaysia Book of Records*, Datuk Danny Ooi.

Projek itu merupakan anjuran YZ Alliance Group Sdn. Bhd dengan kerjasama RTMB dan TNB.

Rathakrishnan berkata, dia memulakan latihan menarik koc komuter itu sejak 13 bulan lalu.

Menurutnya, semasa menerima sijil yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir memberi kata-kata perangsang dan dia berkesempatan memaklumkan hasratnya untuk mencipta lima lagi rekod dunia.

Antaranya ialah mengangkat beban seberat 300 kilogram dan menarik helikopter yang berlepas menggunakan gigi.

Rathakrishnan terkenal dengan kekuatan giginya mengangkat dan menarik beban berat termasuk sebelum ini mencipta rekod me-

narik bas seberat 10.8 tan di Stesen Kereta Api Tampin kira-kira 10 tahun lalu.

Pada 7 Januari 2001, dia mencatatkan rekod menarik koc kereta api seberat 37.05 tan sejauh 8.37 meter di Stesen Kereta Api Klang dan pada 5 Februari tahun yang sama Rathakrishnan mencatatkan satu lagi rekod apabila berjaya mengangkat beban seberat 130 kilogram pada ketinggian 12.1 sm menggunakan gigi.

Menurut Rathakrishnan, dia menjalani pelbagai bentuk latihan sejak 22 tahun lalu termasuk menguatkan rahang, mengamalkan yoga, bersenam dan berjoging.

Mengenai petua yang dia malkannya, Rathakrishnan memberitahu, bagi menjaga giginya supaya sentiasa kuat dengan berjumpa doktor gigi setiap tiga atau empat bulan sekali.

Selain itu dia juga tidak akan mengambil makanan minuman berais serta makanan pedas manakala kira-kira 90 peratus makanannya adalah jenis sayur-sayuran.

Dia juga mempunyai petua khusus semasa menarik atau mengangkat berat menggunakan giginya iaitu dengan memandang tepat

atau memberi tumpuan kepada satu titik sambil menahan nafas.

"Biasanya semasa latihan saya memandang tepat ke koc tetapi kali ini saya memandang tepat ke muka Datuk Seri Dr. Mahathir," katanya yang pernah bekerja sebagai pengawal peribadi.

Rathakrishnan yang kini tidak bekerja menjelaskan, dia mendapat tahu bahawa seorang doktor pada tahun lalu pernah berkata, kekuatan badan manusia sebenarnya sama dengan kekuatan letupan dua butir bom atom.

Dia turut memberi nasi-

hat kepada generasi muda, supaya jangan sekali-kali berkata letih atau tidak boleh sekiranya ingin melakukan sesuatu.

Sementara itu, Danny menjelaskan, rekod yang dicipta itu dijangka disahkan tempoh sebulan.

Pihaknya akan mengh-

tar semua maklumat dalam bentuk dokumen dan gambar ke pejabat *Guinness Book Of World Records* di London minggu depan.

Pada masa ini terdapat 20 rekod dunia dicipta oleh anak tempatan manakala 2,300 lagi rekod telah disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records* sejak 1995.